

**Terma & Syarat Ajinomoto Food Biz Partner**  
**Peraduan AJINOMOTO Beli & Menang (“Peraduan”)**

**Tempoh Peraduan:**

1. Peraduan bermula dari **1 September 2024, 00:00:00** dan berakhir pada **31 Oktober 2024, 23:59:59** mengikut zon waktu Kuala Lumpur, Malaysia (UTC+08:00) (“Tempoh Peraduan”).

**Kelayakan Peraduan:**

2. Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk Malaysia, kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Pengangsur.

**Hadih Peraduan:**

3. Hadih peraduan ini (“Hadih”) seperti berikut:  
- Motosikal YAMAHA EZ115 x 1 unit x 13 Pemenang

**Syarat Penyertaan:**

4. Peserta boleh menyertai peraduan dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

- 1) Beli produk AJINOMOTO (semua saiz pek) bernilai minima RM30 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh) dari mana-mana outlet, Shopee, Lazada atau e-Store Ajinomoto Food Biz Partner.
- 2) Hantar gambar resit melalui WhatsApp ke (+60 12-919 1685) ATAU pautan berikut: <https://www.ajinomotofoodbizpartner.com.my/belimenang2024/>
- 3) Bukti Pembelian:
  - Bukti Pembelian dalam bentuk resit dari mana-mana outlet, Shopee, Lazada, e-Store Ajinomoto Food Biz Partner.
  - Invois yang dikeluarkan oleh pengedar, resit tulisan tangan dengan cap syarikat diterima.
  - Resit tulisan tangan tanpa cap syarikat TIDAK akan diterima sebagai Bukti Pembelian.
- 4) Setiap pembelian produk AJINOMOTO bernilai minima RM30 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh) adalah bersamaan dengan satu (1) penyertaan. Sebagai contoh, pembelian produk AJINOMOTO bernilai RM60 adalah bersamaan dengan dua (2) penyertaan, RM90 adalah bersamaan dengan tiga (3) penyertaan dan seterusnya, tanpa mengira bilangan resit transaksi.
- 5) Satu resit transaksi boleh layak untuk satu (1) ATAU lebih daripada satu (1) penyertaan.

**Pemilihan Pemenang Peraduan:**

5. Hanya peserta yang membuat pembelian dalam Tempoh Peraduan dan memenuhi syarat Peraduan yang dinyatakan diatas layak untuk memenangi hadiah. Penyertaan yang tidak lengkap dan/atau peserta yang gagal memenuhi syarat peraduan akan automatic hilang kelayakan tanpa notis daripada menyertai Peraduan.

6. Pemenang akan dipilih secara rawak melalui cabutan bertuah. Pengajur mempunyai hak untuk memilih pemenang dan keputusan tersebut adalah muktamat. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

7. Pengumuman pemenang akan dibuat pada **12 November 2024** di laman web Ajinomoto Food Biz Partner : <https://www.ajinomotofoodbizpartner.com.my/belimenang2024/> dan diberitahu melalui WhatsApp pada hari yang sama dengan maksimum tiga (3) percubaan. Pengajur berhak menggunakan mana-mana kaedah atau medium lain yang dianggap sesuai mengikut budi bicaranya untuk tujuan pengumuman Pemenang.

8. Pemenang diberikan tempoh empat belas (14) hari dari percubaan hubungan pertama (maksimum 3 percubaan) untuk membalaiksesi mesej peribadi WhatsApp yang dihantar oleh WhatsApp Business Ajinomoto Food Biz Partner (+60 12-919 1685). Pengajur tidak akan bertanggungjawab jika pemenang peraduan tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. Pengajur tidak akan bertanggungjawab dalam kes tidak menerima atau kelewatan penghantaran sebarang notifikasi kepada pemenang.

9. Hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik oleh Pengajur dan Pemenang tidak lagi berhak untuk menuntut mana-mana hadiah dalam apa jua bentuk empat belas (14) hari selepas pengumuman / mesej peribadi.

**Penebusan Hadiah:**

10. Pemenang akan dimaklumkan mengenai lokasi penebusan Hadiah melalui WhatsApp (+60 12-919 1685) dalam tempoh tujuh (7) hari dari respons Pemenang terhadap mesej peribadi WhatsApp pengumuman pemenang.

11. Pemenang mesti membuat janji temu penebusan dengan Pengajur sebelum menuntut hadiah.

12. Pemenang mesti menuntut Hadiah secara peribadi dari lokasi yang ditetapkan pada tarikh dan masa yang dipersetujui. Pengajur berhak untuk membatalkan pemberian Hadiah kepada mana-mana Pemenang sekiranya Pemenang gagal hadir pada tarikh pengambilan yang dipersetujui.

13. Pemenang haruslah memapirkan kad pengenalan mereka untuk tujuan pengesahan semasa tuntutan hadiah.

**Kos dan Tanggungjawab:**

14. Pemenang digalakkan untuk memeriksa Hadiah semasa penuntutan dan melaporkan sebarang masalah dengan segera. Pemenang perlulah menanggung semua risiko dan tanggungjawab selepas tuntutan hadiah.

15. Pengajur tidak bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan, atau kecederaan yang timbul daripada penggunaan atau pengambilan Hadiah.

16. Liabiliti Penganjur adalah terhad kepada nilai Hadiah dan yuran termasuk pendaftaran, lesen motor, nombor plat dan insurans untuk penunggang selama satu (1) tahun. Semua kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh pemenang berhubung dengan Peraduan dan/atau menuntut Hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, penginapan, makanan, kos peribadi dan/atau kos lain hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.

17. Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan, tidak boleh ditukar, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai atau hadiah lain. Semua Hadiah tertakluk kepada, dan Pemenang mesti mematuhi, terma, syarat, peraturan, dan kehendak yang dikenakan oleh penerbit dan/atau pembekal lain yang menyediakan elemen Hadiah.

**Terma & Syarat Lain:**

18. Penganjur berhak melantik pihak ketiga untuk menjalankan pengesahan Pemenang dan memenuhi pengambilan Hadiah. Pemenang bersetuju bahawa Penganjur boleh menyediakan semua maklumat yang diperlukan mengenai Pemenang kepada pihak ketiga tersebut untuk memudahkan perkhidmatan tersebut.

19. Semua Hadiah diberikan berdasarkan "Apa Adanya" dan tidak boleh ditukar, dipindah milik atau ditebus dengan wang tunai, kredit, item lain atau baucar, sebahagian atau keseluruhan.

20. Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan item yang bernilai setara pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

21. Penganjur berhak menarik balik hadiah sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.

22. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Pertandingan ini, tanpa perlu memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

23. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada sebarang rayuan atau surat-menyerat akan dilayan.

24. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan Hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan/atau gambar Peserta untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta. Peserta tidak berhak menuntut hak milik atau bentuk pampasan lain terhadap bahan tersebut.

25. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Penganjur untuk mendedahkan butir-butir mereka kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan/atau rakan kongsi yang dilantik oleh Penganjur untuk tujuan Peraduan dan/atau sebarang tinjauan pelanggan dalam memahami tingkah laku pembelian Peserta.

26. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat kepada Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat.
27. Individu yang menyertai Pertandingan mungkin dikehendaki mengemukakan maklumat peribadi atau sulit mengenai diri mereka sendiri (termasuk tanpa had nama, alamat, salinan kad pengenalan, salinan lesen motosikal, nombor telefon, alamat e-mel, status perkahwinan, pekerjaan, pilihan perbelanjaan atau maklumat lain yang serupa) ("Maklumat Peribadi") kepada Penganjur. Penganjur akan mengendalikan sebarang Maklumat Peribadi yang diperoleh dari individu yang menyertai Peraduan mengikut Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi.
28. Sekiranya Penganjur mengesyaki hasil penyertaan tidak tulen atau tidak beretika seperti;  
- (a) bukti pembelian palsu (b) akaun palsu di pos peraduan, penganjur mempunyai hak penuh untuk mendiskualifikasi peserta tersebut. Aktiviti penipuan akan dipantau dan akan mengakibatkan disqualifikasi jika ditemui. Keputusan juri adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Tiada surat-menjurat lanjut akan dilayan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi laman web Peraduan Ajinomoto Food Biz Partner di <https://www.ajinomotofoodbizpartner.com.my/belimenang2024/>  
Untuk pertanyaan, sila hubungi Ajinomoto Food Biz Partner dari Isnin hingga Jumaat (9 pagi - 6 petang) melalui WhatsApp di <https://wa.me/60129191685>